



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN PELANTIKAN PEGAWAI PENGUASA BAGI PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN (IPK) PERAK DAN PERUMAHAN

KUALA LUMPUR – Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Perumahan, projek strategik di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) ini merupakan langkah signifikan dalam memperkasakan kemudahan keselamatan negara.

2. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Ibrahim bin Esa, Ketua Pengarah Kerja Raya dan Yang Berusaha Tuan Jafrizul bin Jamhari, Ketua Pengarah Setiausaha (Pembangunan) KDN.

3. Projek yang bernilai RM366 juta ini akan dilaksanakan dengan tempoh pembinaan selama 42 bulan dan dijangka siap pada Februari 2030. Lokasi IPK Perak yang baharu ini terletak bersebelahan dengan bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru, Ipoh dengan keluasan 25 ekar.

4. Projek IPK Perak dan Perumahan ini merupakan projek berkeutamaan tinggi bagi memenuhi keperluan keselamatan negara amnya dan penduduk – penduduk negeri Perak. Kompleks IPK Perak sedia ada telah berusia 58 tahun dan kini berada dalam keadaan yang sangat usang serta tidak lagi ekonomik untuk dibaik pulih secara menyeluruh. Sehubungan itu, pelaksanaan projek ini adalah penting bagi memastikan penyediaan fasiliti yang lebih kondusif, berdaya tahan dan memenuhi keperluan operasi keselamatan semasa dan akan datang.

5. Pembinaan IPK Perak yang baharu ini mampu menempatkan kesemua pejabat-pejabat IPK di dalam satu kawasan bagi meningkatkan keberkesanan penugasan selain memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Selain itu, tahap kesiapsiagaan kakitangan dari segi response time juga akan

mampu dipertingkatkan dengan penyediaan kuarters yang mencukupi di dalam kompleks IPK.

6. Penyiapan IPK Perak dan Perumahan ini juga bakal memberikan manfaat yang besar kepada Polis Diraja Malaysia negeri Perak dalam meningkatkan keberkesanan command and control, penugasan dan kawalan keselamatan seterusnya meningkatkan imej serta kualiti perkhidmatan PDRM. Dengan meningkatkan command control pembinaan IPK Perak ini akan mengurangkan indeks jenayah sebanyak lima (5) peratus setiap tahun, penambahbaikan masa bertindak (response time) polis daripada 15 minit kepada 10 minit dan meningkatkan bilangan dan pegawai anggota yang menduduki kuarters dari 0 peratus kepada 6.7 peratus (84 unit kuarters) daripada keseluruhan perjawatan seramai 1261 anggota.

7. Sepanjang tahun 2025, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengeluarkan 17 bilangan SST bernilai RM292.8 juta untuk pelaksanaan projek-projek di bawah KDN.

8. KKR dan JKR Malaysia terus komited dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur awam negara, seiring dengan agenda transformasi dan agenda pembangunan Kerajaan MADANI.

-TAMAT-

KEMENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

21 OGOS 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA